

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[CAMERON HIGHLANDS]**

**SOALAN NO. 359**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan ataupun rancangan Kementerian bagi pembinaan perumahan untuk masyarakat Orang Asli yang rata-ratanya merupakan golongan di bawah B40 di seluruh negara di bawah program PPRT. Mohon kemukakan perangkaan projek tersebut mengikut negeri dan daerah.

**JAWAPAN : [YB SENATOR WAYTHA MOORTHY A/L  
PONNUSAMY], MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) komited untuk memastikan kemudahan asas terutama keperluan rumah Orang Asli diberi perhatian sewajarnya. Peruntukan bagi pembinaan rumah kepada masyarakat Orang Asli diterima melalui peruntukan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) meliputi pembinaan rumah baru dan baik pulih rumah sedia ada di perkampungan Orang Asli seluruh negara.

Sehingga kini, JAKOA sentiasa menerima peruntukan tahunan bagi pembinaan dan baik pulih rumah daripada KPLB. Pada tahun 2019, sebanyak 120 unit bina baru dan 55 unit baik pulih rumah telah diluluskan dengan anggaran kos sebanyak RM 6,715,000.

**NO. SOALAN: 359**

Maklumat pelaksanaan projek PPRT mengikut negeri adalah seperti berikut : -

<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>JENIS BANTUAN</b>		<b>JUMLAH</b>
		<b>BINA BARU (BB)</b>	<b>BAIK PULIH (BP)</b>	
1.	Pahang	40	10	50
2.	Perak & Kedah	30	15	45
3.	Kelantan & Terengganu	20	15	35
4.	Selangor	10	5	15
5.	Negeri Sembilan & Melaka	10	5	15
6.	Johor	10	5	15
<b>Jumlah</b>		120	55	175

Sekian, terima kasih.